

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA**

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN RAWATAN KUALITI AIR SUNGAI
DENGAN EM MUD BALL
19 MAC 2016 (SABTU), 9.15 PAGI**

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar

Yang Berusaha Encik Tan Poay Seng

Pengarah Urusan South Island Garment Sdn Bhd.

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada South Island Garment Sdn Bhd kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam mengadakan program rawatan kualiti air sungai dengan em mud ball di Sungai Derhaka ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

South Island Garment telah mula membuat bebola tanah pada 5-12-2015 dan lontaran pertama diadakan pada 19-12-2015. Setiap bulan lebih dari 1,000 biji bebola tanah akan dilontar.

Untuk makluman semua, Sunway Carnival Mall juga pernah merawat kualiti air sungai ini pada tahun 2011 dan hasil pemerhatian yang dibuat ialah bau busuk air sungai telah berkurangan.

Air sungai juga boleh dinilai kualitinya secara fizikal, contohnya seperti air tersebut kelihatan berminyak, terdapat bangkai haiwan atau tumbuhan yang mati, warna air berubah dan tiada kehidupan aquatik.

Air sungai akan berbau disebabkan beberapa perkara, antaranya terdapat kandungan sulphite, sisa pembetulan, bahan reput atau keladak yang berlebihan. Oleh itu pemeliharaan dan pemuliharaan kualiti air amat penting kerana ianya adalah salah satu sumber asas bagi kehidupan manusia.

Kadar penggunaan air yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi setiap individu adalah 165 liter setiap hari. Namun kadar penggunaan air di Malaysia adalah sebanyak 226 liter air setiap hari berbanding rakyat Singapura (155 liter) dan Thailand sebanyak 90 liter setiap hari.

Air sisa domestik yang berpunca dari sinki, bilik air dan mesin basuh ini lebih dikenali dengan nama 'grey water'. Penggunaan air domestik harian secara berhemah oleh setiap penduduk adalah sangat penting untuk menjamin kemandirian bekalan sumber air yang berterusan pada masa akan datang.

Namun begitu, aktiviti manusia seperti melepaskan air sisa secara terus ke dalam sungai akan menyebabkan punca kualiti air semakin merosot dan rawatan air EM Mud Balls hanya boleh mengurangkan tahap pencemaran. Semuanya berbalik kepada tabiat manusia sendiri untuk memastikan air sungai tidak dicemari.

Bagi kawasan Seberang Jaya, terdapat 49 perniagaan yang dilesenkan dibawah lesen perindustrian. Pecahan lesen industri yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Lesen	Jumlah	Peratus (%)
1.	Elektrik-elektronik	12	26.1
2.	Makanan	6	13.1
3.	Fibreglass	1	2.2
4.	Besi / emas	7	15.2
5.	Percetakan/kertas	8	17.4
6	Penebat/plastic	4	8.7
7	Perubatan/gelatine	3	6.5
8	Kabel/ computer	2	4.3
9	Pakaian	3	6.5

Kawalan pembuangan air sisa dapat dipantau dengan adanya lesen yang dikeluarkan oleh MPSP. Ini kerana setiap premis sebelum dilesenkan mempunyai garis panduan yang harus dipatuhi sebelum memperolehi lesen tersebut. Pemantauan juga akan dibuat dari masa ke semasa bagi premis yang tidak berlesen, dan disusuli dengan tindakan penguatkuasaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Aktiviti penjagaan sungai hari ini merupakan satu langkah dalam merealisasikan impian untuk menjadikan sungai ini lebih bersih dan sesuai untuk dijadikan sebagai satu tempat rehlah keluarga.

Kita mengimpikan Sungai Derhaka ini satu hari nanti, boleh menjadi satu lokaliti dimana ahli keluarga boleh duduk berkelah bersama sambil menikmati keindahan air sungai ini.

Selain itu, jika hasrat menjadikan sungai ini kembali bersih tercapai, ia juga boleh menjadi satu tempat berkumpul untuk bermain bot kawalan jauh yang kini menjadi satu hobi dikalangan anak muda dan juga orang dewasa.

Bagi merealisasikan impian ini, semua pihak seperti isi rumah, industri, institusi dan lain - lain seharusnya tahu untuk membuat perancangan yang sesuai dalam penggunaan air agar pengurusan sumber air dapat dijalankan secara lestari dan mampan. Persekitaran yang baik dan sesuai akan memastikan sumber air tidak tercemar. Selain itu, pengurusan sisa yang baik dan penggunaan teknologi yang berkesan akan membantu mengurangkan air sisa atau air *leachate* daripada mencemarkan kawasan tadahan air terutama air bawah tanah. Semua pihak harus bekerjasama bagi memastikan program pemulihan dan pengurusan sungai perlu dilakukan secara berterusan bagi

menjamin kesempurnaan ke atas sistem sungai dan sumber air tidak tercemar.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selain dari membuat EM Mud Ball, South Island Garment juga mengambil inisiatif bagi mengatur ceramah kitar semula pada 18-11-2015 bagi semua kakitangan bermula dari pengurusan tertinggi sehingga pekerja biasa. Bukan itu sahaja, penghargaan telah diberikan kepada kakitangan yang mengambil langkah awal bagi program pengasingan sampah di punca oleh pihak pengurusan South Island Garment sendiri. Langkah yang diambil oleh South Island Garment ini adalah selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung.

Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Langkah-langkah persiapan telah dan sedang diambil sebelum dasar ini dilaksanakan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua ketegori iaitu, barang kitar semula dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

Adalah diharapkan dengan pelontaran muddball ini dapat menambahbaikkan kualiti air Sungai Derhaka. Walaubagaimanapun, air sungai ini akan terus tercemar jika tiada kerjasama yang kuat dari penduduk Seberang Perai. Marilah kita mencintai sungai kita. Terima kasih kepada pihak Pengurusan South Island Garment kerana kerjasama erat yang dijalinan dengan MPSP dan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik kualiti Sungai Derhaka ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.